



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.gov.my

SIARAN MEDIA

SESI LIBAT URUS KEMENTERIAN BERSAMA PEMAIN INDUSTRI BERAS NEGARA

PUTRAJAYA, 13 SEPTEMBER 2023 – Sesi libat urus Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama pemain industri beras negara telah diadakan pada hari ini bagi membincangkan secara terperinci berkenaan bekalan Beras Putih Tempatan (BPT) dan kenaikan harga Beras Putih Import (BPI). Sesi libat urus ini diadakan sebagai susulan kepada sesi-sesi sebelum ini iaitu pada 20 Julai 2023 melibatkan pasar raya, sesi libat urus melibatkan pengilang padi dan pemborong beras pada 28 Ogos 2023 serta Sesi Dialog Belanjawan 2024 Subsektor Padi dan Beras Negara pada 7 September 2023.

Sesi libat urus pada kali ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan turut melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bersama-sama lima (5) pemborong beras utama serta 11 pasar raya bertaraf *hypermarket* yang mempunyai rangkaian di seluruh negara.

Hasil daripada sesi libat urus ini, **pihak pengilang, pemborong dan peruncit bersetuju memberikan komitmen bagi merealisasikan pelaksanaan Program Khas Beras Putih Tempatan (PKBPT) di seluruh negara.** PKBPT sedang dilaksanakan oleh KPKM melalui dua (2) fasa bermula pada 8 September 2023 dan 15 September 2023. Melalui PKBPT, pengilang akan meningkatkan pengeluaran sebanyak 20 peratus bekalan BPT (23,000 mt sebulan) untuk pasaran dalam negara bagi tempoh satu (1) tahun.

Langkah intervensi ini bertujuan bagi memastikan bekalan BPT dapat memenuhi keperluan pengguna dan menjamin kestabilan bekalan BPT di pasaran. Dalam masa yang sama, pihak FAMA dan LPP turut dilibatkan bagi tujuan pengedaran BPT kepada kumpulan sasar terutama di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan pasar raya.

Manakala, pemantauan dan penguatkuasaan keseluruhan rantai PKBPT ini akan dilakukan oleh pihak KPKM melalui Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dengan kolaborasi strategik OP JAMIN bersama Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
13 SEPTEMBER 2023